

'Ada penduduk Jinjang Selatan Tambahan tak dapat rumah'

KUALA LUMPUR - Gabungan Isu Perumahan dan Pampasan Jinjang Selatan Tambahan Kepong mendakwa hak 17 penduduk yang dijanjikan tawaran rumah telah dinafikan.

Setiausahanya, Ameer Khan Bargathalli mendakwa, proses bancian dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak teratur dan berat sebelah.

Beliau mendakwa, bancian juga tidak dilakukan secara menyeluruh susulan terdapat penduduk yang tidak mendapat tawaran pampasan.

"Ramai ahli keluarga kedua tidak dibanci dengan alasan bujang. Pihak gabungan juga mendapati ramai pemilik telah meninggal dunia dan waris mereka



Wakil gabungan menyerahkan memorandum untuk perhatian Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi penyelesaian isu tuntutan baki penduduk Jinjang Selatan Tambahan yang belum menerima pampasan rumah.

dinafikan hak," katanya selepas menyerahkan memorandum kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif di Menara DBKL 1 pada Jumaat.

Beliau berkata, gabungan

memohon DBKL memberikan salinan senarai penerima tawaran bagi membolehkan mereka mengesan ex-TOL (penduduk sementara) atau penduduk luar yang mengambil hak pampasan rumah tersebut.

Justeru katanya, pihaknya meminta tarikh mesyuarat ditetapkan dan tidak ditunda lagi bagi membincangkan isu perumahan serta pampasan itu.

"Keputusan yang kami dapat amat mendukacitakan. Segala keputusan dan tuntutan gabungan hanya boleh diputuskan oleh Datuk Bandar.

"Gabungan telah menyediakan data bancian untuk dibentangkan kepada Datuk Bandar dan menyelesaikan masalah berbangkit," ujarnya.

Tambahnya, gabungan turut tidak setuju pampasan RM500 kepada pekedai kerana tidak setimpal dengan projek memajukan perumahan yang melibatkan 39 hektar tanah.

Tegasnya, pekedai terlibat seharusnya diberikan pampasan berupa rumah percuma.

DBKL sebelum ini memaklumkan beberapa siri perbincangan sudah diadakan DBKL bersama wakil penduduk bagi penyelesaian isu berkenaan sejak 2019.

Lot PT 26640 terlibat dengan penjualan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada pemaju melalui perjanjian pada 23 November 2017.

Kawasan itu akan dibangunkan rumah ganti berkeluasan 900 kaki persegi dan 750 kaki persegi serta rumah mampu milik kepada penduduk ex-TOL setingan dan rumah panjang Jinjang Selatan Tambahan.